

08 OCT 2001

Hasmah-Wanita

PM WANITA, MUNGKIN, TETAPI BUKAN SEMASA HAYAT SAYA, KATA SITI HASMAH

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 8 Okt (Bernama) -- Berdasarkan prestasi cemerlang pelajar dan graduan wanita Malaysia di tanahair dan di luar negara, adalah tidak mengejutkan jika Malaysia melahirkan seorang perdana menteri wanita.

"Tetapi, ia tidak semasa hayat saya, saya rasa," kata isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Dr Siti Hasmah, yang menghadiri Kongres Antarabangsa Keenam mengenai AIDS di Asia Pasifik (ICAAP) di sini, berkata potensi melahirkan perdana menteri wanita memang ada tetapi ia akan mengambil sedikit masa atau masa yang panjang.

"Saya tidak dapat ramalkan," katanya.

Mengenai pemimpin politik wanita sedia ada, beliau berkata beberapa orang daripada mereka dapat memimpin negara.

"Tetapi, kami mahu mereka benar-benar berpengetahuan dan memberi tumpuan kepada tanggungjawab mereka. Mereka harus memberi tumpuan kepada negara secara keseluruhannya terutamanya di peringkat akar umbi," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata untuk menjadi seorang perdana menteri, seseorang itu bukan sahaja perlu berpengetahuan dalam perkara yang berkaitan dengan tugas mereka malah semua bidang lain.

"Keseluruhan Malaysia akan berada di bawah tanggungjawab anda, bukan sahaja hierarki tinggi," katanya.

"Terdapat kemungkinan (bagi wanita Malaysia menjadi perdana menteri). Saya tidak menafikan wanita boleh jadi perdana menteri tetapi ia bukanlah semasa hayat saya, saya rasa" katanya.

Beliau gembira melihat pelajar perempuan di Malaysia dan luar negara mengatasi pelajar lelaki.

"Pelajar perempuan serius tentang pelajaran, mereka lebih serius daripada pelajar lelaki. Kami mempunyai ramai wanita yang menyandang jawatan tinggi di Malaysia. Itulah trendnya," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata ia adalah trend yang sangat menggalakkan dan sihat dan wanita yang menyandang jawatan tinggi akan menjadi model bagi golongan muda.

"Golongan muda akan berusaha lebih gigih dan lebih serius tentang belajar dan mencapai matlamat," katanya.

Beliau juga mengingatkan pelajar sekolah dan universiti supaya tidak terlibat dalam politik terutamanya untuk tujuan yang salah.

Dr Siti Hasmah, yang juga pengerusi Wanita Pertama 17 Negara Jawatankuasa Pemandu Rantau Asia Pasifik bagi Wanita Luar bandar, berkata Puteri UMNO yang baru ditubuhkan menjalankan tugas yang cemerlang.

"Mereka sangat bagus...mereka aktif. Mereka sangat profesional. Mereka mempunyai banyak projek. Mereka pergi ke kampung dan kawasan luar bandar...mereka pergi menemui akar umbi," katanya.

"Mereka membantu dan bekerja dengan semua peringkat...mereka sangat bagus," katanya.

-- BERNAMA

NC HK NAK